

KESAN PENGGUNAAN INVENTORI HAFAL QURAN MUDAH & CEPAT (HAQAT) TERHADAP MOTIVASI HAFAZAN AL-QURAN DALAM KALANGAN MURID TAHFIZ MUBTADI' (PERMULAAN)

Fatin Husna Zaidi ⁱ, Noornajihan Jaafar ⁱⁱ, Muhammad Lukman Ibrahim ⁱⁱⁱ

ⁱ(Corresponding author). Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah, Universiti Sains Islam Malaysia. Emel: fatin-husna348@gmail.com

ⁱⁱ Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. noornajihan@usim.edu.my

ⁱⁱⁱ Pensyarah, Universiti Sains Islam Malaysia. mdlukman@usim.edu.my

ABSTRAK

Motivasi merupakan antara faktor utama dalam menjamin kelangsungan serta keberkesanan hafazan al-Quran dalam kalangan huffaz khususnya murid tahfiz di peringkat permulaan. Namun, salah satu permasalahan yang sering dikenal pasti ialah tahap motivasi yang rendah sama ada ketika menghafaz ayat baharu mahupun dalam mengekalkan hafazan sedia ada. Situasi ini memberi kesan terhadap disiplin hafazan dan tahap kesungguhan murid untuk mencapai sasaran yang ditetapkan. Justeru, artikel ini bertujuan menganalisis kesan penggunaan bahan bantu hafazan (BBH) Inventori HAQAT terhadap motivasi murid tahfiz mubtadi' dalam proses hafazan. Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan berasaskan Model Kemmis & McTaggart (1988) yang dilaksanakan dalam dua gelungan kajian. Sampel kajian melibatkan lapan orang murid di sebuah institusi tahfiz swasta melalui kaedah persampelan bertujuan. Data dikumpul melalui temu bual, pemerhatian, dan analisis hasil kerja murid sebelum ditriangulasi bagi menjawab persoalan kajian. Dapatan menunjukkan bahawa penggunaan Inventori HAQAT memberi kesan positif terhadap motivasi murid melalui peningkatan minat, kesungguhan, serta menimbulkan keseronokan dalam melaksanakan hafazan. Implikasi kajian menunjukkan bahawa bahan bantu hafazan seperti Inventori HAQAT bukan sahaja berkesan dalam menyokong aspek kemahiran hafazan malah turut berperanan dalam membina motivasi dalaman murid agar lebih konsisten, berdisiplin, dan bersemangat untuk menghafaz. Oleh itu, Inventori HAQAT wajar dijadikan strategi sokongan bagi memperkasakan motivasi murid di institusi tahfiz sama ada kerajaan mahupun swasta.

Kata-kata kunci: Inventori HAQAT, kajian tindakan, motivasi, *mubtadi'*, *pendidikan tahfiz*

PENGENALAN

Pendidikan al-Quran menghasilkan pelbagai cabang ilmu dan salah satunya pendidikan tahfiz (Mohd Noor Hisham Md Nawawi et.al, 2014). Hafazan al-Quran merupakan satu amalan yang sangat ditekankan dalam Islam, terutamanya dalam kalangan generasi muda kerana ia membawa kemuliaan yang tinggi serta dianggap sebagai satu bentuk keutamaan di sisi Allah SWT (Mohamed & Rashidi, 2021). Keutamaan menghafaz al-Quran telah dinyatakan secara jelas dalam banyak hadis Nabi SAW yang menjadi pendorong utama agar umat Islam tidak tergolong dalam kalangan mereka yang kosong dadanya daripada al-Quran. Hal ini sebagaimana sabda Rasulullah SAW yang diriwayatkan oleh Ibn Abbas RA:

إِنَّ الَّذِي لَيْسَ فِي جَوْفِهِ شَيْءٌ مِنَ الْقُرْآنِ كَالْبَيْتِ الْحَرَبِ

Maksudnya: “Orang yang tidak ada di dalam dadanya sepotong pun ayat ibarat Al-Quran adalah seperti rumah yang ditinggalkan kosong”. [Riwayat al-Tirmizi, no. Hadith 2913] [Hadith dinilai oleh Imam al-Tirmizi sebagai Hasan Sahih]

Fenomena peningkatan institusi tahfiz di Malaysia pada masa kini jelas menunjukkan permintaan masyarakat yang tinggi terhadap pembentukan generasi huffaz yang mampu memelihara keaslian wahyu Ilahi (Abdullah et al., 2017; Tiana, 2022) serta membentuk akhlak dan tatasusila yang mulia dalam kalangan umat Islam. Sokongan masyarakat terhadap pendidikan tahfiz turut dizahirkan melalui penyediaan kemudahan, pembiayaan, dan penglibatan aktif dalam menyokong perkembangan institusi tahfiz di negara ini (Samad et al., 2021).

Proses pengajaran dan pembelajaran al-Quran telah bermula sejak peristiwa penurunan wahyu pertama kepada Nabi SAW dan terus berkembang melalui pelbagai pendekatan yang disesuaikan mengikut zaman dan keperluan sasaran. Seiring dengan perubahan zaman, perkembangan individu dalam proses pembelajaran memerlukan penyesuaian kaedah agar relevan dengan latar belakang, kemampuan dan gaya pembelajaran. Dalam konteks pendidikan tahfiz, isu-isu berkaitan hafazan al-Quran menjadi semakin turut timbul apabila berhadapan dengan pelbagai cabaran dan halangan yang mempengaruhi keberkesanan pencapaiannya. Penyampaian al-Quran yang berkesan menuntut kaedah pengajaran dan pembelajaran yang bersesuaian dengan kemampuan pelajar.

Rentetan masalah yang timbul, kajian Hashim (2014) mendapati bahawa sebahagian guru tahfiz masih mengekalkan kaedah pengajaran tradisional yang secara tidak langsung menyumbang kepada kelemahan dalam pelaksanaan P&P tahfiz. Sementara itu, dapatan kajian Misnan dan Ahmad Sadadi (2003) serta Azmil Hashim (2010) menunjukkan bahawa kelemahan pencapaian hafazan pelajar turut berpunca daripada kekurangan strategi pengajaran yang merangkumi aspek strategi, kaedah dan motivasi pembelajaran tahfiz. Oleh demikian, keperluan untuk memperkenalkan pendekatan baharu yang lebih sistematik, berstruktur dan berpusatkan bahan dan pelajar menjadi salah satu keutamaan dalam memastikan kelestarian keberkesanan pendidikan tahfiz pada masa kini.

Melalui dari kaedah dan strategi hafazan al-Quran, aspek motivasi menjadi elemen teras dalam menjayakan hafazan al-Quran kerana ia mempengaruhi keupayaan pelajar untuk kekal fokus, konsisten, dan istiqamah. Al-Qabisi menyatakan salah satu kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran iaitu al-mail (cintakan al-Quran) (Ummi Hani, 2023). Timbul kecintaan ini dari aspek motivasi dalaman dalam menjadikan al-Quran sentiasa berlegar dalam ingatannya. Pengaruh aspek motivasi adalah satu keperluan dalam menjalani proses hafazan dari segi hafazan baru sehingga pengukuhan dan penjagaan hafazan al-Quran. Maka motivasi boleh dipengaruhi oleh pelbagai faktor seperti suasana pembelajaran, pendekatan guru, gaya pembelajaran dan penggunaan bahan sokongan yang sesuai.

Kaedah pengajaran dan pembelajaran al-Quran menjadi perkara penting dalam menjadikan objektif tercapai pada setiap murid. Dalam mencapai keberkesanan melalui kaedah tertentu maka penglibatan bahan pembelajaran terkini perlu diterokai dan diselaraskan dengan perkembangan semasa (Mohamad Marzuqi, 2016). Bahan bantu hafazan (BBH) kini turut giat dibangunkan dan dibentuk dengan bertujuan agar semua peringkat berpeluang menghafaz al-Quran tidak mengira menjalani hafazan secara formal mahupun tidak formal. Maka bahan bantu hafazan terdiri dari sudut penggunaan elektronik atau bukan elektronik. Kajian Mohd Marzuqi (2016) menyimpulkan kajian dari al-Ahwani (1955) dan Muhammad Muhsin bahawa alat bantu hafazan (ABH) terdiri dari bahan yang didengar, bahan yang dilihat, bahan yang dibaca dan bahan yang ditulis.

Dalam menjelaskan penggunaan jenis bahan yang digunakan turut dikategorikan melalui elektronik dan bukan elektronik. Menurut Norziah Abdul Hamid (1981) menggolongkan kepada dua iaitu kepada media elektronik dan bukan elektronik manakala Hanapiah Sudin (1979) mengkategorikan kepada bahan software dan hardware. Maka bahan atau alat berasaskan elektronik adalah alat dan bahan yang berorientasikan ICT seperti OHP, LCD, komputer, komputer riba, perisian al-Quran, CD al-Quran, CD interaktif, dan perakam audio digunakan sebagai medium sokongan dalam proses pembelajaran al-Quran (Aznil Hashim & Misnan Jemali, 2014).

Kajian berkaitan penglibatan alat dan bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran antaranya Afrianto dan Herdiansyah (2015) menunjukkan bahawa penggunaan telefon pintar dalam pengajaran ilmu tajwid lebih berkesan berbanding kaedah tradisional sekaligus membuktikan keberkesanan integrasi teknologi dalam meningkatkan kualiti pengajaran. Sementara itu, kajian oleh Siti Salma Mohamad Shokri et al. (2021) meneliti pengajaran tahfiz di UNITEN yang memanfaatkan inovasi digital berasaskan Moodle sebagai medium penilaian berterusan selain menyokong pelaksanaan aktiviti interaktif seperti Kahoot, Padlet, Coggle, Sentimeter dan Plickers.

Tambahan pula, Ihsan M. Arinal (2015) telah membangunkan aplikasi Muroja'ah al-Quran berasaskan Android sebagai medium hafazan 30 juzuk yang dilengkapi dengan ciri multimedia menggabungkan teks, imej, dan audio bagi memudahkan proses hafazan dan muraja'ah. Seterusnya, Syed Najihuddin Syed Hassan et al. (2022) membincangkan aplikasi Cinta al-Quran yang dibangunkan oleh Hedi Herdiana yang terdiri dengan kandungan lengkap 30 juzuk serta susun atur yang sistematik dan reka bentuk menarik sekaligus memudahkan pelajar tahfiz dalam mengurus serta memperkukuhkan hafazan mereka. Begitu aplikasi lain yang berfungsi untuk menyemak bacaan dan hafazan seperti ITQAN (Almosallam et., 2015), i-Tasmik (Musa et., 2018) dan TeBook (Abdullah et al., 2019).

Bahan atau alat bukan elektronik seperti buku rujukan, modul grafik, papan pengajaran, model, dan boneka turut berfungsi sebagai bahan bantu dalam pengajaran dan pembelajaran al-Quran. Penggunaan bahan bercetak khususnya dapat dikategorikan sebagai salah satu bahan bukan elektronik yang menyokong pencapaian objektif pembelajaran hafazan. Hal ini kerana bahan bercetak bersifat lebih mudah diakses, fleksibel, serta dapat disesuaikan mengikut sasaran. Kajian Mohd Hasdi Mohamed dan Rashidi Abbas (2021) mengenai penggunaan Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan al-Quran) mendapati bahawa modul yang disusun dengan latihan menghafaz memberikan kesan positif terhadap pencapaian pelajar. Kajian oleh Fatin Husna & Noornajihan (2024) dalam Kajian Rintis dalam penggunaan inventori modul hafazan Hafal Quran Mudah dan Cepat (HAQAT) Sebagai bimbingan terhadap murid tahfiz di peringkat permulaan.

Selain itu, EasyNgaji sebagai sebuah institusi swasta turut membangunkan modul aktiviti hafazan Juzuk 30 bagi memperkukuh asas kemahiran hafazan al-Quran. Sementara itu, kajian Mohd Abdul Nasir dan Ahmad Zulfiqar (2020) menekankan keberkesanan modul hafazan berasaskan tematik ayat yang membantu meningkatkan penguasaan pemahaman al-Quran. Oleh itu, penglibatan bahan bercetak bukan sahaja berperanan dalam memudahkan hafazan, malah turut membentuk penglibatan aktif murid serta membolehkan pembelajaran disusun secara lebih sistematik berdasarkan keperluan sasaran.

Melalui kajian-kajian di atas, tidak dinafikan bahawa terdapat pencapaian positif dalam pendidikan tahfiz melalui penggunaan bahan elektronik sebagai salah satu alat bantu yang memudahkan proses hafazan al-Quran.

ran baik dari hafazan baru mahupun penjagaan dan pengukuhan hafazan yang telah tersedia ada. Namun demikian, penggunaan peranti elektronik turut mempunyai beberapa kekangan yang tidak boleh diketepikan. Antaranya ialah kos peranti yang tinggi, keperluan kepada capaian internet yang stabil, serta kebergantungan kepada kemudahan teknologi yang tidak semestinya dapat diakses oleh semua institusi tahfiz, khususnya yang berada di kawasan luar bandar (Siti Salma Mohamad Shokri et al., 2021). Selain itu, peranti elektronik juga berpotensi menimbulkan gangguan tumpuan disebabkan oleh aplikasi hiburan lain yang tersedia dalam telefon pintar atau komputer, yang akhirnya boleh menjejaskan keberkesanan hafazan sekiranya kawalan sendiri tidak dipupuk (Afrianto & Herdiansyah, 2015). Di samping itu, menurut Ihsan M. Arinal (2015) walaupun aplikasi hafazan berbentuk digital menyediakan ciri interaktif yang menarik namun pengguna tetap memerlukan bimbingan guru secara langsung agar hafazan tidak hanya tertumpu kepada penggunaan teknologi tanpa pengesahan talaqqi dan musyafahah.

Kelebihan penggunaan bahan atau alat bantu hafazan bukan elektronik seperti modul bercetak ialah mudah diakses dan tidak bergantung kepada kemudahan teknologi. Bahan bercetak juga lebih fleksibel kerana boleh digunakan pada bila-bila masa tanpa memerlukan internet atau peranti elektronik, di samping membolehkan murid memberi tumpuan sepenuhnya kepada teks al-Quran tanpa gangguan luar. Secara teori, format bercetak mengurangkan beban kognitif terutamanya jika bahan disusun secara tersusun sebagaimana teori beban kognitif yang meringankan proses pembelajaran baru. Ia memudahkan pelajar memahami struktur hafazan dengan lebih efisien. Malah, ia tidak melibatkan kos yang besar dalam penyediaannya berbanding penggunaan peranti digital.

Walau bagaimanapun, penggunaan alat bantu hafazan sama ada berbentuk elektronik atau bukan elektronik bukan sahaja berfungsi sebagai medium untuk memudahkan proses hafazan, bahkan turut memberi kesan langsung terhadap motivasi murid. Keberkesanan bahan seperti modul bercetak, papan hafazan, mahupun aplikasi digital dapat merangsang minat, menimbulkan rasa seronok, serta meningkatkan keyakinan murid untuk konsisten dalam hafazan. Oleh itu, guru tahfiz perlu kreatif dalam memilih dan menggabungkan kedua-dua bentuk bahan bantu tersebut agar sesuai dengan keperluan murid dan konteks institusi.

Sehubungan itu, motivasi dilihat sebagai faktor terpenting yang menentukan keberhasilan proses hafazan al-Quran sama ada pada peringkat permulaan menghafaz mahupun dalam usaha mengekalkan hafazan yang telah dikuasai. Ahmad Rozaini Ali Hasan et al. (2017) menegaskan bahawa motivasi dalam pembelajaran hafazan merangkumi dorongan dalaman seperti minat, kesungguhan, dan kesedaran spiritual di samping dorongan luaran seperti bimbingan guru, sokongan rakan sebaya, serta persekitaran pembelajaran yang kondusif. Hal ini disokong oleh kajian Nor Hasanah Mohd Yusoff et al. (2025) yang mendapati bahawa penggunaan pendekatan pembelajaran yang sistematik dan terancang dapat meningkatkan motivasi pelajar kerana ia memberi hala tuju yang jelas serta kefahaman yang mendalam terhadap proses hafazan. Maka demikian dapat disimpulkan bahawa gabungan antara penyediaan alat bantu yang sesuai dengan strategi pengajaran yang berstruktur merupakan kunci dalam memupuk motivasi murid tahfiz, sekali gus memastikan keberkesanan dan kelestarian hafazan al-Quran.

Dari perspektif motivasi intrinsik, Hayati Hussin et al. (2021) meneliti isu dan cabaran dalam mengekalkan hafazan al-Quran dalam kalangan pelajar USIM, terutamanya berkaitan aspek komitmen diri, disiplin, dan keupayaan mengurus masa dengan baik. Seterusnya, Hayati Hussin et al. (2023) pula membincangkan peranan motivasi ekstrinsik dalam mengekalkan hafazan, yang meliputi ganjaran, pengiktirafan, serta dorongan keluarga sebagai faktor penting yang menyokong kesungguhan pelajar. Penemuan ini seiring dengan dapatan

Wan Zuriaty Ismail dan Nur Azuki Yusuff (2024) yang menekankan bahawa kecemerlangan hafazan dalam kalangan remaja dipengaruhi oleh persaingan sihat, bimbingan berkesan daripada guru, dan pengurusan sasaran hafazan yang jelas serta realistik.

Dalam konteks peranan guru, Mohd Marzuqi Abdul Rahim et al. (2021) menyatakan bahawa keberkesanan hafazan bukan sahaja bergantung pada keupayaan pelajar malah dipengaruhi oleh tahap perancangan pengajaran yang rapi dan penerapan elemen motivasi secara berterusan. Dapatan kajian menunjukkan bahawa terdapat segelintir guru yang kurang menyediakan bahan pengajaran yang mencukupi dan kurang memberi penekanan kepada elemen motivasi dalam persediaan pengajaran, sekali gus menjejaskan tahap kesungguhan pelajar. Kenyataan ini disokong kajian Mohd Zulhimi Haron (2021) bahawa guru tahfiz disarankan untuk lebih kreatif dan inovatif dalam menyediakan bahan bantu mengajar untuk meningkatkan minat murid.

Secara keseluruhan, kajian-kajian lepas ini menggariskan bahawa motivasi sama ada intrinsik mahupun ekstrinsik perlu diintegrasikan secara strategik dalam pendekatan pedagogi tahfiz, disokong dengan perancangan pengajaran yang sistematik dan berpusatkan pelajar bagi memastikan kelestarian prestasi hafazan al-Quran. Justeru, kajian ini memberi fokus kepada penggunaan bahan bantu hafazan sebagai medium sokongan yang bukan sahaja membantu membimbing pelajar dalam melaksanakan hafazan, malah berupaya meningkatkan motivasi mereka untuk mengekalkan hafazan al-Quran secara berkesan dan berterusan.

OBJEKTIF DAN PERSOALAN KAJIAN

Kajian tindakan ini dijalankan bagi menilai kesan penggunaan Inventori HAQAT terhadap tahap motivasi murid tahfiz peringkat muftadi' dalam proses hafazan al-Quran. Tujuan utama kajian ini adalah untuk men-eroka pelaksanaan kaedah hafazan berasaskan Inventori HAQAT serta meneliti impaknya terhadap motivasi murid dalam menghafaz. Sehubungan itu, persoalan kajian yang ingin dijawab ialah sejauh mana penggunaan Inventori HAQAT sebagai kaedah hafazan dapat meningkatkan motivasi murid tahfiz di peringkat permulaan dalam pembelajaran hafazan al-Quran.

METODOLOGI KAJIAN

Reka Bentuk Kajian

Kajian ini menggunakan reka bentuk kajian tindakan berasaskan Model Kemmis dan McTaggart (1989) yang dilaksanakan dalam satu gelungan. Pemilihan reka bentuk ini adalah selaras dengan tujuan kajian untuk menilai kesan penggunaan Inventori Hafal Quran Mudah & Cepat (HAQAT) terhadap kaedah hafazan al-Quran dalam kalangan murid tahfiz muftadi' di samping menambah baik amalan pengajaran secara berterusan.

Sampel Kajian

Pengkaji terlibat sebagai peserta kajian secara langsung dalam menjalankan kajian ini. Pengkaji berperanan sebagai guru tahfiz dalam sesi PdP yang menjalankan intervensi Inventori HAQAT kepada peserta kajian yang lain. Kajian ini melibatkan 8 orang murid Tingkatan 1 dan 2 dari Maahad Tahfiz Integrasi Sahabat In-sani yang terdiri dari 3 orang murid lelaki dan 5 orang murid perempuan. Sampel kajian ini dipilih melalui persampelan bertujuan. Pemilihan berdasarkan penilaian bacaan al-Quran dan kriteria murid muftadi' dalam hafazan. Melalui penilaian bacaan, sampel kajian yang terlibat adalah dari yang paling lemah kepada yang sederhana yang sesuai dengan peringkat muftadi'.

JADUAL 1: Kumpulan Sasaran dan penilaian markah ujian bacaan al-Quran bagi sampel kajian

Sampel	Jantina	Tingkatan	Markah Ujian Bacaan
P1	Lelaki	Tingkatan 1	32/40
P2		Tingkatan 1	33/40
P3		Tingkatan 1	36/40
P4	Perempuan	Tingkatan 2	34/40
P5		Tingkatan 2	34/40
P6		Tingkatan 1	34/40
P7		Tingkatan 2	37/40
P8		Tingkatan 2	37/40

Pengumpulan Data

Bagi mendapatkan data yang komprehensif, kajian ini menggunakan pelbagai instrumen iaitu temubual, pemerhatian, ujian, dan analisis hasil kerja murid. Temubual dijalankan bagi mendapatkan maklum balas dan pengalaman murid terhadap penggunaan Inventori HAQAT, manakala pemerhatian dilaksanakan untuk menilai penglibatan murid sepanjang sesi hafazan. Ujian digunakan untuk mengukur tahap pencapaian hafazan serta penguasaan tajwid dan makhraj, manakala hasil kerja murid dianalisis bagi menilai konsistensi dan ketepatan pelaksanaan hafazan.

Analisis data


Data yang diperoleh ditriangulasi bagi memastikan kesahihan dan kebolehpercayaan dapatan kajian. Proses triangulasi ini melibatkan perbandingan antara temubual, pemerhatian, ujian, dan hasil kerja murid bagi menjawab persoalan kajian yang berkaitan dengan keberkesanan penggunaan Inventori HAQAT.

PERLAKSANAAN TINDAKAN

Model kajian tindakan yang digunakan dalam kajian ini adalah Model Kemmis dan McTaggart (1988) yang dipilih kerana kesesuaiannya dengan keperluan kajian tindakan yang menekankan proses tindakan dan refleksi dalam satu kitaran berulang. Model ini relevan dengan amalan harian guru dalam konteks pengajaran sebagaimana dinyatakan oleh Siti Sarah Muhammad Raflee dan Lilia Halim (2021) kerana ia menyediakan kerangka yang sistematik dan praktikal untuk penambahbaikan berterusan. Menurut Kemmis dan McTaggart (1988) model ini melibatkan empat langkah utama dalam setiap kitaran, iaitu: (i) merancang tindakan penambahbaikan berdasarkan isu atau keperluan semasa, (ii) melaksanakan tindakan tersebut secara teratur dan sistematik, (iii) memerhati serta mendokumentasikan proses pelaksanaan bagi tujuan pengumpulan data dan (iv) membuat refleksi untuk menilai keberkesanan tindakan dan menentukan langkah seterusnya, sama ada meneruskan dengan gelungan baharu atau menamatkan intervensi.

Rajah 1 menunjukkan kitaran gelungan kajian tindakan menurut model ini yang dijalankan secara berterusan sehingga mencapai objektif kajian. Bilangan gelungan bergantung pada dapatan kajian serta hasil refleksi pengkaji pada setiap peringkat yang membolehkan penambahbaikan dilakukan secara progresif mengikut keperluan. Pemilihan model ini adalah bertepatan dengan matlamat kajian yang memerlukan penilaian berulang terhadap penggunaan Inventori HAQAT dalam meningkatkan motivasi hafazan al-Quran murid tahfiz

peringkat permulaan di samping membolehkan pengkaji membuat pelarasan segera berdasarkan pemerhatian dan maklum balas yang diperoleh sepanjang proses intervensi.



Rajah 1: Gelung Kajian Tindakan Kemmis & Mc Taggart (1988)

Berikut Jadual 2 menunjukkan perincian pelaksanaan tindakan sepanjang kajian mengikut langkah kajian tindakan Kemmis & Mc Taggart (1988)

Jadual 2: Pelaksanaan tindakan kajian

Proses	Gelungan 1
Perancangan	1. Pengkaji mengenal pasti permasalahan utama dalam pelaksanaan hafazan al-Quran di bilik darjah. 2. Meneliti dan menilai modul-modul hafazan terkini di pasaran serta meneroka kaedah pembelajaran hafazan yang sesuai dengan tahap murid peringkat permulaan. 3. Menghasilkan bahan bantu hafazan iaitu Inventori HAQAT yang sesuai dan memuatkan kandungan Juzuk 30, dibahagikan kepada dua siri: - Siri 1: al-Nas hingga al-Dhuha - Siri 2: al-Lail hingga al-Naba' 4. Melaksanakan proses pemilihan sampel kajian.
Tindakan	1. Melaksanakan Ujian 1 bagi merekod tahap pencapaian hafazan sebelum intervensi. 2. Memberi penerangan terperinci mengenai pelaksanaan Inventori HAQAT selepas Ujian 1 selesai. 3. Melaksanakan Ujian 2 selepas tempoh intervensi untuk merekod pencapaian pasca intervensi.
Pemerhatian	1. Memerhati maklum balas dan reaksi sampel sepanjang proses intervensi menggunakan Inventori HAQAT. 2. Mengumpul data melalui analisis dokumen, pemerhatian berstruktur, dan temu bual.
Refleksi	1. Melaksanakan refleksi terhadap dapatan kajian gelungan pertama. 2. Merumuskan cadangan penambahbaikan dan tindakan susulan bagi gelungan berikutnya.

DAPATAN KAJIAN DAN PERBINCANGAN

Berdasarkan analisis data melalui tiga kaedah pengumpulan data iaitu pemerhatian (catatan nota lapangan), temu bual dan dokumen laporan pencapaian, Inventori HAQAT dapat meningkatkan motivasi murid menghafaz al-Quran. Berdasarkan pemerhatian pengkaji, dapatan kajian menjelaskan bahawa sampel kajian teruja, seronok, minat dan menunjukkan peningkatan pencapaian selepas penggunaan Inventori HAQAT tersebut. Berikut merupakan data pemerhatian, dokumen laporan pencapaian dan temu bual penyelidik berdasarkan tema utama yang dikenalpasti:

1. Dokumen laporan pencapaian (Ujian)

Jadual 5 Graf Pencapaian Ujian 1 dan Ujian 2

Sampel	Gelungan Pertama			
	Markah Ujian 1	Gred	Markah Ujian 2	Gred
P1	78	B	91	A
P2	86	B	95	A
P3	93	A	97	A
P4	93	A	96	A
P5	87	B	92	A
P6	86	B	95	A
P7	89	B	97	A
P8	92	A	96	A
Peratus	78%		94.9%	

Graf di atas menunjukkan laporan pencapaian ujian setelah dilaksanakan intervensi bagi kedua-dua gelung kajian menggunakan Inventori HAQAT. Analisis terhadap laporan tersebut menunjukkan peningkatan pencapaian hafazan pada gelungan pertama dan mencatat sedikit penurunan dan mendatar pada gelungan kedua sebelum dan selepas penggunaan Inventori HAQAT. Keberkesanan penggunaan bahan bantu hafazan atau alat bantu hafazan ini disokong oleh dapatan kajian Mohamad Marzuqi et al. (2016) yang menegaskan bahawa tahap keperluan penggunaan alat bantu hafazan dalam kalangan pensyarah tahfiz al-Quran di Malaysia adalah sangat tinggi. Selari dengan itu, kajian Mohd Hasdi Mohamed dan Rashidi Abbas (2024) mengenai keberkesanan Modul LIQA turut membuktikan bahawa penghasilan buku kerja atau modul hafazan al-Quran mampu memberikan impak positif terhadap peningkatan kuantiti hafazan murid. Walau bagaimanapun, analisis dokumen laporan pencapaian ini turut mempamerkan terdapat sampel kajian yang sederhana dan cemerlang dari segi ingatan hafazan ayat Al-Quran mereka. Laporan pencapaian peserta kajian sebelum dan selepas intervensi dapat dirumuskan seperti mana dalam jadual 1 di bawah:

	GELUNGAN 1								
TARIKH	20/3	21/3	22/3	26/3	28/3	31/3	1/4	2/4	JUMLAH MS
P1	1	2	3	⁴ (Ayat 1-3)	0	5	6	7	7
P2	1	2-3	0	4	0	5	6	7	7
P3	1-3	4-5	6-7	8-9	10-11	12-14	15	16-17	17
P4	1-2	3-4	5-6	7	8	9-11	¹² (Ayat 1-6)	¹² (ayat 7-8)	12
P5	1	2-3	4-6	7-9	10	11-12	13	14	14
P6	1	2-4	5-7	8-9	10	11-13	¹⁴ (Ayat 1-7)	14	14
P7	1	2	0	3-6	7-8	9	10-11	12-13	13
P8	1	3-4	0	5-6	7	8-9	10-11	12	12

Berdasarkan analisis yang dijalankan, pengkaji telah membentuk 3 tema yang diperolehi dari kesan penggunaan Inventori HAQAT terhadap motivasi murid. Antara temanya iaitu mendorong minat dalam menghafaz, peningkatan kesungguhan menghafaz, pembentukan disiplin sendiri, keseronokan dalam menghafaz dan komitmen dalam menyiapkan tugas. Dapatan ini pengkaji perolehi dari temu bual dan pemerhatian yang dijalankan. Huraian lanjut setiap tema bagi persoalan kajian ini dijelaskan sebagaimana berikut:

1. Mendorong minat menghafaz

Pemerhatian pengkaji mendapati indikator minat diukur melalui perlakuan dalam kelas intervensi dan interaksi pelaksanaan sampel terhadap Inventori HAQAT. Maka antara indikator minat melalui perlakuan dalam kelas intervensi iaitu kehadiran awal ke kelas hafazan secara konsisten dan pelaksanaan persediaan hafazan sebelum kelas bermula. Interaksi pelaksanaan boleh dilihat dengan kesungguhan menyempurnakan tugas Inventori HAQAT dengan lengkap dan teratur. Sebahagian besar murid dilihat hadir lebih awal ke kelas dan terlibat secara aktif dalam pengulangan hafazan secara sendiri sebelum sesi talaqqi bermula. Situasi ini menggambarkan peningkatan inisiatif dan kesediaan murid dalam mengurus hafazan secara berdikari. Sebagai contoh, catatan pemerhatian menyatakan murid P2 hingga P8 didapati telah berada dalam kelas lebih awal daripada guru serta sedang menjalankan ulang kaji hafazan masing-masing sebagai persediaan untuk sesi talaqqi bacaan bagi hafazan baru. Sebaliknya, murid P1 menunjukkan kecenderungan kurang minat apabila hadir lewat dan kelihatan kurang memberi tumpuan terhadap aktiviti hafazan yang dijalankan.

2. Menunjukkan kesungguhan ketika menghafaz

Kesungguhan merujuk kepada tahap keazaman dan daya usaha seseorang untuk mencapai matlamat walaupun berhadapan dengan cabaran. Dalam konteks kajian ini, kesungguhan murid dapat dilihat melalui kesanggupan mendahului giliran tasmik, semangat melaksanakan tugas hafazan walaupun dalam keadaan kurang sihat, serta inisiatif menambah tugas hafazan secara sukarela. Pemerhatian mendapati sampel P3 sering mendahului diri dalam tasmik, sekali gus mewujudkan suasana persaingan yang sihat, manakala P6 tetap berusaha menghafaz walaupun menghadapi kesukaran menyebut makhraj dengan tepat. P1 pula berjaya menyiapkan tugas walaupun dalam keadaan tidak sihat dan keletihan. Tambahan pula, beberapa murid seperti P3, P5, P6 dan P7 meminta untuk meneruskan hafazan walaupun sesi ujian telah selesai kerana masih terdapat masa baki, mencerminkan wujudnya motivasi intrinsik untuk terus menghafaz di luar jangka masa yang ditetapkan.

Dapatan temu bual turut mengesahkan bahawa Inventori HAQAT memberi dorongan kepada peningkatan kesungguhan antaranya disebabkan reka bentuknya yang mudah, ringkas, dan menyokong proses hafazan. Sebagai contoh,

P5: "Bila guna HAQAT ini, saya rasa semangat sikit untuk menghafaz. Sebab dia... dia rasa macam... best, satu ia mudah."

Manakala P2 menambah: "Sebab... pendek."

Kesungguhan ini diperkukuh dengan inisiatif murid menambah strategi sendiri bagi mencapai tugas dengan cemerlang, seperti mencatat susunan surah bagi tugas lepas sebagai persediaan murajaah serta menulis transliterasi untuk ayat atau kalimah yang sukar disebut.

Rajah 4.3 Hasil kerja Inventori HAQAT oleh sampel P3 dan P6

Sampel	Hasil kerja
P3	
P6	

3. Meningkatkan keseronokan dalam menghafaz

Dapatan kajian menunjukkan bahawa penggunaan Inventori HAQAT berjaya mencetuskan perasaan seronok dalam kalangan murid tahfiz muftadi'. Hasil pemerhatian mendapati beberapa sampel memperlihatkan ekspresi wajah yang ceria sepanjang menyelesaikan tugas hafazan menggunakan HAQAT. Sebagai contoh, sampel P3 sentiasa mendahului giliran pertama untuk tasmik pada setiap sesi dan merupakan peserta pertama yang menamatkan modul 1.0 dengan penuh semangat untuk menambah hafazan. Temubual yang dijalankan turut menyokong dapatan ini apabila sampel P1, P2, P5, dan P7 meluahkan rasa seronok kerana struktur inventori yang mudah, ringkas, serta membantu mereka dalam proses hafazan harian.

Perasaan seronok ini turut dinyatakan oleh sampel P4 yang menyatakan kegembiraannya apabila berjaya meningkatkan kuantiti hafazan berbanding pengalaman pembelajaran terdahulu yang lebih terbatas. Reaksi puas hati yang ditunjukkan menggambarkan kepuasan dalaman hasil daripada peningkatan kemampuan diri. Secara keseluruhannya, dapatan ini menjelaskan bahawa Inventori HAQAT telah mencetuskan suasana pembelajaran yang menyeronokkan, teratur, dan sesuai dengan tahap kemampuan murid, sekali gus menggalakkan keterlibatan aktif serta mengukuhkan motivasi intrinsik mereka dalam menghafaz al-Quran.

PERBINCANGAN

Melalui pelaksanaan kajian tindakan menunjukkan penggunaan Inventori HAQAT dapat meningkatkan motivasi hafazan dalam kalangan murid tahfiz muftadi'. Hafazan yang dilaksanakan melalui modul dapat memudahkan penyampaian kaedah yang ingin diterapkan dalam kalangan murid. Inventori HAQAT sebagai bina bantu hafazan telah menjadikan proses hafazan lebih terbimbing dan jelas pelaksanaannya. Penghasilan Inventori HAQAT menjadikan ia salah satu bahan BBM bagi guru tahfiz di bagi membimbing murid muftadi' dalam menjadikan penyampaian yang tidak canggung atau sampai. Menurut Noorazman Abd Samad et.al (2018) bahawa proses P&P yang menggunakan BBM memberi impak yang positif dengan menarik minat pelajar. Hal ini kerana masih terdapat guru yang kurang percaya dengan amalan menggunakan BBM boleh menarik minat pelajar serta meningkatkan prestasi pelajar dalam proses P&P.

Kandungan di dalam Inventori HAQAT yang menerapkan Juz 30 yang mengandungi surah-surah pendek dan

mudah dihafaz. Tujuan memulakan dengan hafazan yang mudah supaya menambah keyakinan diri pelajar serta mengurangkan tekanan psikologi yang dialami serta menyediakan ruang pembelajaran yang lebih fleksibel dan kondusif dalam memulakan dengan surah yang panjang (Nor Hasanah Mohd Yusoff et.al,2025; Yuli,2022; al-Dosari, 2010). Pandangan ini disokong kajian al-Jawzi (1995) bahawa peringkat permulaan sesuai dengan pendekatan hafazan surah-surah pendek kerana mampu memberi kesan positif terhadap keyakinan pelajar.

Dapatan kajian menunjukkan bahawa kecenderungan sampel untuk meneruskan hafazan dengan menggunakan Inventori HAQAT berkait rapat dengan peningkatan motivasi yang positif. Hal ini dapat dilihat melalui struktur kandungan inventori yang disusun dalam bentuk tugas ringkas, di mana pembahagian ayat tidak melebihi enam kolum aktiviti hafazan yang masing-masing merangkumi enam ayat. Pembahagian tersebut bersama penetapan bilangan ulangan telah menyediakan panduan pengulangan yang lebih jelas dan terarah. Memandangkan kemampuan individu dalam menghafaz al-Quran adalah berbeza maka bilangan ulangan yang dinyatakan dalam HAQAT berfungsi sebagai penanda aras pada setiap jenis pengulangan yang membantu mengukuhkan hafazan secara berperingkat serta memastikan daya ingatan murid lebih mantap dan tersusun.

a) Mendorong minat terhadap hafazan

Penggunaan Inventori HAQAT telah memudahkan pelaksanaan aktiviti hafazan dalam PdP al-Quran khususnya bagi murid tahfiz peringkat muhtadi'. Sampel kajian menyatakan bahawa kaedah hafazan menggunakan Inventori HAQAT dapat memberi pendekatan yang lebih tersusun, jelas dan menyeronokkan. Pembelajaran gaya sebegini membantu sampel untuk lebih fokus dan mengurangkan tekanan dalam proses menghafaz, khususnya apabila mereka mengetahui apa yang perlu dilakukan secara langkah demi langkah. Selain daripada struktur yang teratur, Inventori HAQAT juga memberi dorongan dalaman kerana sampel dapat menandakan kemajuan mereka sendiri melalui kotak bilangan ulangan dan semakan rakan sebaya.

Dapatan kajian Siti Fatimah (2023) menyatakan penggunaan BBM yang bersifat mautod dan secara maya mampu menjadi daya penggerak serta motivasi kepada Guru Pendidikan Islam (GPI) untuk merangsang minat pelajar untuk berfikir dengan lebih kritis. Keadaan ini bagi mengelakkan keadaan yang dinyatakan oleh a-Tal (1997) dan al-Khatib (2009) bahawa pengajaran yang dilaksanakan tidak boleh kaku dan statik dan bergerak seiring dengan perkembangan semasa. Dalam kajian ini, sampel menunjukkan reaksi positif terhadap reka bentuk Inventori HAQAT yang mudah dilaksanakan dari sudut pelaksanaan dan tidak membebaskan. Interaksi sampel dengan bahan yang digunakan juga menunjukkan peningkatan positif contohnya melalui aktiviti pengulangan hafazan, semakan rakan sebaya, dan pemantauan talaqqi bersama guru.

Tambahan pula, dorongan minat dalam kalangan sampel turut dipengaruhi oleh penyusunan kuantiti ayat hafazan yang tidak membebaskan serta sejajar dengan kemampuan sampel peringkat muhtadi'. Reka bentuk Inventori HAQAT yang menggabungkan tiga kaedah asas hafazan iaitu talaqqi, tkrar dan murāja'ah telah menjadi faktor utama yang menyumbang kepada peningkatan minat sampel. Gabungan ketiga-tiga kaedah ini selari antara pendekatan yang disarankan oleh al-Qābisi (1955) sebagai asas kepada keberkesanan penghafalan al-Quran. Dapatan ini turut disokong oleh Marzuqi Abdul Rahim (2016) yang menyatakan bahawa ketiga-tiga kaedah tersebut mempunyai kesan signifikan terhadap penguasaan hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz, terutamanya dalam memastikan proses hafazan yang tersusun dan bersistem.

Dapatan temu bual sampel menunjukkan bahawa majoriti sampel ingin terus menggunakan Inventori HAQAT dalam sesi hafazan yang akan datang. Murid menyatakan bahawa proses hafazan menjadi lebih mudah untuk dimulakan kerana mereka mengetahui di mana hendak bermula, bagaimana untuk mengulang dan apa yang

perlu dilakukan seterusnya. Hal ini menunjukkan bahawa Inventori HAQAT telah mendorong minat sampel dengan memberikan mereka rasa yakin dan jelas terhadap proses hafazan. Sokongan ini selari dengan dapatan Muhammad Taufiq Mazlan dan Harun Baharudin (2025) yang menegaskan bahawa strategi pembelajaran yang terancang, berpandukan perancangan sendiri serta pemantauan berstruktur mampu meningkatkan tumpuan, motivasi dan penglibatan pelajar dalam hafazan. Secara keseluruhannya, dapatan ini membuktikan bahawa Inventori HAQAT berfungsi bukan sahaja sebagai bahan bantu hafazan, malah sebagai pemangkin yang mendorong minat sampel untuk terus kekal konsisten dalam menghafaz al-Quran. Pendekatan ini selari dengan prinsip pendidikan kontemporari yang menekankan kepelbagaian gaya pembelajaran serta bahan sokongan berstruktur yang menyantuni keperluan sampel secara individu.

b. Menunjukkan kesungguhan dalam menghafaz

Dapatan kajian menunjukkan bahawa sampel kajian telah memperlihatkan peningkatan motivasi intrinsik yang ketara dalam diri murid. Hal ini dapat dilihat melalui tindakan beberapa sampel yang secara sukarela mendahului giliran untuk memperdengarkan hafazan walaupun pengkaji tidak menetapkan giliran tersebut. Menurut Puteri Nazlin Amalin (2020) individu yang memiliki tahap self-determination (SDT) yang tinggi akan melaksanakan sesuatu amalan dengan ikhlas berdasarkan naluri dan dorongan dalaman mereka sendiri. Pelaksanaan Inventori HAQAT telah memberi kesan dengan mencetuskan kesungguhan yang lebih tinggi khususnya apabila terdapat murid menunjukkan komitmen untuk melaksanakan tugas dengan cemerlang sepanjang gelungan kajian. Keadaan ini turut disokong oleh dapatan Edward L. Deci, Richard Koestner dan Richard M. Ryan (2001) yang menegaskan bahawa aktiviti yang memberi nilai kemahiran dan pencapaian yang jelas mampu meningkatkan tahap motivasi intrinsik seseorang individu.

Selain itu, pelaksanaan muraja'ah dalam Inventori HAQAT turut mencetuskan usaha sendiri dalam kalangan sampel, yang menunjukkan kesungguhan mereka dalam menyusun hafazan agar lebih tepat dan kukuh dalam ingatan. Situasi ini selari dengan Teori Self-Regulated Learning (SRL) oleh Pintrich (2003) yang menekankan keupayaan pelajar untuk mengatur diri, memantau, dan mengurus strategi pembelajaran mereka bagi mencapai prestasi akademik yang cemerlang. Dapatan ini turut disokong oleh Radovan (2011) yang mendapati bahawa pelajar dengan motivasi intrinsik dan penilaian sendiri yang tinggi mencatat pencapaian akademik yang lebih baik berbanding pelajar lain yang kurang mengamalkan strategi tersebut.

(c) Meningkatkan keseronokan dalam menghafaz

Keseronokan merupakan elemen penting dalam memastikan penglibatan emosi dan kognitif murid kekal tinggi. Lebih-lebih lagi dalam menyokong kelangsungan hafazan secara berterusan. Inventori HAQAT yang dirangka dan dibina untuk menjadi proses hafazan lebih interaktif dan menjadikan aktiviti hafazan bukan sahaja tanggungjawab akademik, tetapi juga pengalaman pembelajaran yang menarik dan bermakna bagi murid. Faktor keseronokan ini dapat mengurangkan rasa bosan atau jemu, seterusnya membina motivasi dalaman yang stabil.

(i) Mudah dan senang melaksanakan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa keseronokan dalam menghafaz al-Quran melalui penggunaan Inventori HAQAT faktor ia mudah dan senang dilaksanakan. Hal ini dapat dilihat melalui tiga indikator utama, iaitu permulaan sukatan dengan surah yang mudah, pembahagian bentuk ayat yang pendek serta mudah dihafaz dan pembahagian jenis pengulangan bersama bilangan yang jelas. Temu bual bersama sampel menyatakan bahawa pendekatan bermula dengan surah-surah Juz' 30 menjadikan mereka lebih bersemangat dan tidak

terbeban dalam proses hafazan. Hal ini disokong oleh rekod pencapaian hafazan harian yang menunjukkan konsistensi murid meningkat apabila tugas diatur secara sederhana dan berperingkat. Pendekatan ini sejajar dengan teori beban kognitif (Cognitive Load Theory) yang menekankan keperluan penyusunan tugas secara sederhana bagi mengelakkan terlalu banyak beban dalam memproses maklumat baharu (Sweller, 1988).

Selain itu, Inventori HAQAT bukan sahaja menyediakan struktur yang mudah diikuti, malah membentuk suasana pembelajaran yang menyeronokkan. Kesonokan ini berkait dengan motivasi intrinsik murid yang terdorong apabila mereka mendapati tugas hafazan lebih mudah dicapai. Kajian Hayati Hussin et. al (2021) mendapati bahawa motivasi intrinsik memainkan peranan penting dalam mengekalkan murāja‘ah dan konsistensi hafazan dalam kalangan pelajar tahfiz. Hal ini bertepatan dengan kenyataan sampel bahawa mereka lebih berdisiplin mengulang hafazan apabila tugas tidak terlalu membebaskan.

Tambahan pula, pelaksanaan Inventori HAQAT yang menggabungkan kaedah hafazan bermula dengan surah-surah pendek serta pengulangan secara berperingkat adalah seiring dengan amalan institusi tahfiz lain. Nor Hasanah et al. (2025) melaporkan bahawa Maahad Tahfiz Al-Husni turut menerapkan pendekatan bermula dengan Juz' 30 sebelum beralih kepada surah yang lebih panjang bagi mengelakkan murid kehilangan minat serta memastikan mereka mampu menyesuaikan diri dengan beban hafazan. Oleh itu, Inventori HAQAT jelas menyokong amalan pendidikan tahfiz yang berstruktur dan mesra murid.

Akhirnya, dapatan triangulasi turut mengesahkan bahawa Inventori HAQAT memberi elemen keseronokan terhadap murid walaupun terdapat variasi pencapaian harian, termasuk hari tanpa hafazan baharu kerana tugas lama belum disempurnakan atau ketidakhadiran murid. Hal ini bertepatan dengan dapatan kajian sistematik oleh Norafidah, Mohamad Marzuqi dan Abd Hadi (2025) yang menegaskan bahawa strategi hafazan yang mudah dilaksanakan dapat mengurangkan risiko keciciran hafazan lama serta memberi motivasi kepada murid untuk terus konsisten. Secara keseluruhan, Inventori HAQAT bukan sahaja praktikal dan mudah dilaksanakan bahkan turut memperkaya pengalaman hafazan dengan memupuk motivasi intrinsik serta memastikan keteraturan pengulangan ayat.

(ii) Memberi peluang untuk menghafaz secara berkesan

Dapatan kajian menunjukkan bahawa Inventori HAQAT memberi peluang kepada murid untuk menghafaz al-Quran dengan lebih berkesan, di samping mengekalkan elemen keseronokan dalam proses hafazan. Hasil temu bual gelungan pertama dengan sampel P4 yang menyatakan perasaan seronok walaupun dihadapkan dengan soalan susulan mengenai kesukaran ayat. Ini menggambarkan bahawa murid merasakan pengalaman menghafaz sebagai sesuatu yang positif dan tidak membebaskan. Respons tersebut memperlihatkan bahawa meskipun hafazan al-Quran menuntut daya kognitif yang tinggi, struktur yang teratur dan mudah melalui Inventori HAQAT menjadikan mereka lebih bersemangat dan terdorong secara dalaman.

Kesonokan dalam menghafaz ini lebih ketara apabila dibandingkan pengalaman sebelum dan selepas penggunaan Inventori HAQAT. Sebelum intervensi, murid lebih banyak bergantung kepada kaedah cuba jaya atau pengulangan tanpa sistem yang jelas yang menyebabkan rasa jemu dan mudah putus asa. Namun selepas menggunakan Inventori HAQAT, pengalaman hafazan dirasakan lebih mudah, teratur, dan berkesan kerana disusun dengan sukatan yang ringkas, ayat pendek, serta pengulangan yang jelas bilangannya. Perbezaan pengalaman ini menimbulkan rasa seronok yang mendalam, sekali gus menjana motivasi intrinsik untuk terus berusaha menambah hafazan. Hal ini selari dengan Ryan dan Deci (2000) yang menegaskan bahawa motivasi intrinsik dapat diperkukuh melalui pengalaman pembelajaran yang menyeronokkan dan memberi

rasa pencapaian.

Fenomena ini juga dapat dijelaskan melalui teori beban kognitif (Sweller, 1988) yang menekankan kepentingan penyusunan tugas secara sistematik untuk mengelakkan murid daripada rasa terbeban. Inventori HAQAT yang menekankan penguasaan berperingkat bukan sahaja mengurangkan beban kognitif tetapi juga membuka peluang kepada murid untuk merasakan keberkesanan hafazan mereka, seterusnya menambah keyakinan diri. Kajian Hayati Hussin et al. (2021) turut menyokong dapatan ini apabila mendapati motivasi intrinsik berperanan penting dalam memastikan kelestarian murāja'ah dan hafazan al-Quran di kalangan pelajar tahfiz.

Secara keseluruhannya, subtema ini memperlihatkan bahawa keseronokan yang dialami murid bukanlah sekadar emosi sementara tetapi merupakan indikator kepada peluang hafazan yang lebih berkesan. Perbandingan pengalaman sebelum dan selepas penggunaan Inventori HAQAT membuktikan bahawa pendekatan yang sistematik dapat merangsang motivasi intrinsik serta dapat mendorong murid lebih gigih dalam melaksanakan hafazan walaupun berhadapan dengan pelbagai cabaran.

(iii) Kaedah hafazan yang menarik

Keseronokan yang dinyatakan oleh sampel terhadap penggunaan Inventori HAQAT banyak dipengaruhi oleh reka bentuk kaedah hafazan yang dianggap menarik, tidak membebankan dan sesuai dengan tahap kemampuan mereka. Berdasarkan temu bual dan pemerhatian, beberapa sampel menyatakan bahawa Inventori HAQAT tidak sama seperti kaedah hafazan biasa yang bersifat rutin sebaliknya memberikan variasi aktiviti seperti talaqqi berfokus, pengulangan berperingkat, semakan rakan sebaya dan penandaan pencapaian harian. Elemen-elemen ini mewujudkan suasana hafazan yang lebih hidup, menyeronokkan dan tidak menekan.

Perlaksanaan kaedah hafazan secara praktikal dengan dibentuk buku kerja sedikit sebanyak telah mempengaruhi perasaan seronok murid tahfiz muftadi'. Hal keadaan ini boleh disimpulkan bagi murid tahfiz muftadi memerlukan bimbingan secara praktikal terhadap kaedah hafazan yang diterapkan. Hal keadaan ini membantu mereka jelas bagaimana proses berlaku dan secara tidak langsung mempengaruhi motivasi seronok dalam melaksanakan hafazan. Penerapan unsur keseronokan dalam hafazan amat penting bagi membina persepsi positif murid tahfiz peringkat muftadi' terhadap proses menghafaz al-Quran. Melalui pengalaman yang menyeronokkan dan selari dengan kemampuan mereka, murid dapat melihat bahawa hafazan bukanlah beban yang sukar tetapi suatu proses yang boleh dilaksanakan secara berperingkat dan sistematik. Hal ini signifikan kerana ramai murid tahfiz sering dibayangi kebimbangan seperti kurang keyakinan dalam menanggung hafalan kerana proses menghafaz bukanlah satu perkara yang mudah. Persepsi negatif ini boleh menjejaskan komitmen mereka sejak awal sedangkan hafazan al-Quran merupakan suatu ibadah yang mulia dan dijanjikan dengan ganjaran besar di sisi Allah SWT.

Oleh itu, bagi merangsang motivasi dalaman murid, pendekatan hafazan pada peringkat permulaan perlu dilaksanakan dengan cara yang menggembirakan, tidak membebankan, dan menepati tahap kebolehan mereka. Hal ini sejajar dengan pandangan Benta dan Cremene (2004) seperti yang dipetik oleh Nor Musliza Mustafa dan Mokmin Basri (2014) bahawa kerana murid berasa bermotivasi, mereka akan lebih mudah memahami apa yang dipelajari. Apabila murid merasakan proses hafazan dianggap menyenangkan dan sesuai dengan kemampuan, murid lebih cenderung untuk terus terlibat secara konsisten serta meletakkan keyakinan bahawa hafazan itu mampu dicapai secara bertahap.

KESIMPULAN

Kepelbagaian kaedah dan teknik hafazan al-Quran merupakan aspek penting yang perlu diberi perhatian dalam memastikan keberkesanan proses hafazan al-Quran. Kaedah berbentuk tradisional mahupun moden, setiap pendekatan mempunyai nilai tersendiri yang saling melengkapi dalam membentuk strategi hafazan yang sesuai dengan gaya pembelajaran individu. Dalam konteks ini, penggunaan Inventori HAQAT dilihat sebagai satu inovasi bahan bantu hafazan (BBH) yang mampu membantu guru tahfiz menyesuaikan pendekatan pengajaran mengikut keperluan dan kemampuan murid. Pelaksanaan HAQAT bukan sahaja memudahkan proses hafazan, malah turut merangsang motivasi dalaman murid melalui elemen bimbingan sendiri, penstrukturan aktiviti hafazan, dan sistem penilaian yang tersusun. Oleh itu, guru tahfiz perlu terus memperkukuh peranan mereka dalam menerapkan kaedah hafazan yang bersepadu antara tradisi dan teknologi agar proses menghafaz al-Quran menjadi lebih teratur, menyeronokkan, dan membangunkan kecintaan murid terhadap al-Quran sebagai panduan hidup.

RUJUKAN

- Abdullah, M. H., Aziz, Z. A., Rauf, R. H. A., Shamsudin, N., & Latiff, R. A. (2019). TeBook A Mobile Holy Quran Memorization Tool. (2019). 2nd International Conference on Computer Applications & Information Security (ICCAIS) (pp. 1-6). Riyadh, Saudi Arabia. <https://doi.org/10.1109/CAIS.2019.8769472>
- Afrianto, I., & Herdiansyah, Y. (2015). Pembangunan Aplikasi Bantu Dalam Menghafal Al-Qur'an Berbasis Mobile. *Komputa : Jurnal Ilmiah Komputer Dan Informatika*, 2(2). <https://doi.org/10.34010/komputa.v2i2.84>
- Ahmad Fu'ad al-Ahwani. (1955). *Al-Tarbiyah al-Islamiyah aw al-Ta'lim fi Ra'y al-Qabisi*, Cairo : Dar Ihya' al-Kutub al-Arabiyah
- Ahmad Rozaini Ali Hasan, A. R. A., Ghani, A. R. A., Jemali, M., Nasir, N. F. W. M., Yusuf, M. Y. M., & Md Ariffin, M. F. 2017. Learning concepts and educational development of hafazan al-Quran in the early Islamic century. *International Journal of Academic Research in Business and Social Sciences*, 7(10), 628-635. <https://doi.org/10.6007/IJARBS/v7-i10/3417>
- Al-Khatib, Ahmed. (2009). *Al-Taalim al-Aliy: al-isykaliyyat wa tahdiyyat*. Irbid : Alamul kutub al-hadith.
- Almosallam, E., Alawadh, M. A., Alhasani, R. S., Almansour, S. M., Altamimi, W. A., & Altujjar, Y. R. (2015). ITQAN: A Mobile Based Assistant for Mastering Quran Memorization. (2015). Fifth International Conference on e-Learning (ECONF), 18-20 October (pp. 349-352). Manama, Bahrain. <https://doi.org/10.1109/ECONF.2015.42>
- Al-Qabisi, Abi Hasan Ali Muhammad Khalaf. 1955. *Ar-Risalah al-mufassolah li ahwal al-muaallimin waahkam al-muallimin wal mutaallimin*. Kaherah: Dar Ehya' al Kutub al-Arabiyyah
- Al-Tal, Said Musyrif. (1997). *Qawaid al-tadris fi al-jamiah*. Amman: Dar al-Fikir li al-Tibaah waal-Nasyr.
- Azmil Hashim, & Misnan Jemali. 2014. Kajian mengenai hubungan antara teknik Pembelajaran tahfiz dengan pencapaian hafazan al-Quran para pelajar. *Jurnal Perspektif*, 6(2), 15-25.
- Azmil Hashim. 2010. *Penilaian Pelaksanaan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan MTQN*. Tesis Doktor Falsafah. https://www.researchgate.net/publication/311870159_Penilaian_Pelaksa

naan Kurikulum Tahfiz al-Quran di Darul Quran JAKIM dan MTQN

- Deci, E. L., Koestner, R., & Ryan, R. M. (2001). *Extrinsic rewards and intrinsic motivation in education: Revisiting the meta-analysis. Review of Educational Research, 71(1), 1–27.*
- Edward L. Deci, Richard Koestner, & Richard M. Ryan. (2001). *Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation. American Psychologist, 55(1), 68–78.*
- Fatin Husna, & Noornajihan Jaafar. 2024. *Kajian rintis aplikasi Inventori HAQAT dalam Hafazan al-Quran terhadap murid mubtadi'. Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED). 9(64). hlm. 31-41. DOI:10.55573/JISED.096404*
- Hanapiah Sudin. 1979. *Pendidikan Islam di Malaysia: Sejarah dan perkembangannya. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.*
- Hayati Hussin, Abdul Rahim, Aslam Farah, M. Hafiz Saleh, Mardhiah Yahaya, Rohana Zakaria & Noor Hafizah, 2023. *Motivasi Ekstrinsik: Analisis Terhadap Cabaran Mengekalkan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Sarjana Muda Pengajian Qiraat USIM. Jurnal Qiraat, 6, 73–83.*
- Hayati Hussin, Abdul Rahim Ahmad & Muhammad Hafiz Saleh. 2021. *Motivasi Intrinsik: Isu dan Cabaran dalam Mengekalkan Hafazan al-Quran dalam Kalangan Pelajar USIM. Jurnal Qiraat, 4(2), Hlm. 75–83.*
- Ihsan M. Arinal. 2015. *Aplikasi Muroja'ah Al-Qur'an Sebagai Media Untuk Membantu menghafal Juz Amma Berbasis Android, University Of Muhammadiyah Malang.*
- Kemmis, S., & McTaggart, R. (1989). *The action research planner. Victoria: Deakin University Press.*
- M. Abdul Nasir, & Ahmad Zulfiqar. 2020. *Pembinaan Modul Hafalan al-Quran Berdasarkan Tematik Ayat bagi Membantu Penguasaan Pemahaman al-Quran dalam Kalangan Huffaz. The Online Journal of Islamic Education (O-JIE), 8(1).*
- Misnan Jemali dan Ahmad Sadadi Hafidz. 2003. *Hubungan antara teknik menghafaz al-Quran dengan pencapaian kursus Tahfiz wa al-Qiraat pelajar semester empat dan lima di Maahad Tahfiz wal Qiraat di Perak. Seminar Teknik pengajaran Tahfiz al-Quran Peringkat kebangsaan. Kolej Universiti Islam Malaysia.*
- Mohamad Marzuqi Abdul Rahim, A. H. 2016. *Tahap Penggunaan Alat Bantu Hafazan (ABH) Dalam Kalangan Pensyarah Tahfiz Al-Quran Di Malaysia. Memperkasa Generasi Penghafaz Al-Quran, 87-96.*
- Mohd Hasdi Mohamed, & Rashidi Abbas. 2021. *Pengukuhan Hafazan Pelajar Melalui Modul LIQA (Latihan Intensif Hafazan al-Quran): Satu Pendekatan. International Journal Of Humanities Technology And Civilization (IJHTC). Vol.6 (1), 96-100.*
- Mohd Zulhimi Haron, M.Muslim Md Zalli, M.Khairi Othman & M.Isha Awang. 2021. *Examining the teachers' pedagogical knowledge and learning facilities towards teaching quality. International Journal of Evaluation and Research in Education (IJERE). 10(1): 1-7.*
- Muhammad Ghufrin Bin Musa Mohd Hamzi Niyaz Bin Yusop Muhammad Mustaqeem Bin Mohd Sopee, Noor Azian Mohamad Ali. 2018. *I-Tasmik Mobile Platform – Enabling Tahfiz Student to Memorize Al-Quran Independently. Conference: 2018 International Conference on Information and Communication Technology for the Muslim World (ICT4M). DOI: 10.1109/ICT4M.2018.00014*
- Muhammad Muhsin. (n.d.). *Manhaj tarbiyyah Quraniyyah dalam pendidikan Islam. Kaherah: Dar al-Salam.*

- Muhammad Taufiq Mazlan, & Harun Baharudin. 2025. *Strategi Pembelajaran Dan Tahap Memori Pelajar Sekolah Tahfiz Wilayah Persekutuan*. Tinta Artikulasi Membina Ummah, 11(1), 42–52
- Noor Hisham, Nur Azuki, Mohd Binyamin & Nasrul Hakim. 2014. Matlamat Dan Halatuju Sistem Pengajian Tahfiz Di Kelantan; Satu Pengamatan Awal. *4th International Conference and Exhibition on Islamic Education*, 1–15. <http://discol.umk.edu.my/id/eprint/9171/1/4th%20International%20Conference%20and%20Exhibition%20on%20Islamic%20Education%202014%20-%203.pdf>
- Noorazman AS, Ahmad WMRW, Harun H, Amiruddin MH, Hashim S, & Jaapar F. (2018). Bahan Bantu Mengajar (BBM) dalam Pengajaran dan Pembelajaran (P&P) di Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Daerah Pontian. *Online Journal for TVET Practitioners*. 152-161.
- Nor Hasanah Mohd Yusoff, Noor Ashikin Nik Mat, & Siti Mahfudzoh Mohd Hafiz. 2025. Pembelajaran Terstruktur dan Kaedah Pengajaran Hafazan al-Quran di Maahad Tahfiz al-Husnu. *Jurnal Qiraat*. Jld 8. Hlm. 40–48.
- Nor Musliza Mustafa, & Mokmin Basri. 2014. Perbandingan Kaedah Hafazan al-Quran Tradisional dan Moden: Satu Kajian Awal. *Proceeding of the Social Science Research ICSSR*, 827–834.
- Norziah Abdul Hamid. 1981. Alatan Mengajar dalam Pengajaran Bahasa.
- Pintrich, P. R. (2003). *A Motivational Science Perspective On The Role Of Student Motivation In Learning And Teaching Contexts*. *Journal of Educational Psychology*, 95(4), 667–686.
- Puteri Nazlin Amalin. 2020. Hubungan Antara Motivasi dengan Pencapaian Akademik Pelajar di Kolej Komuniti. *Proceeding International Multidisciplinary Conference (IMC 2020)*.
- Radovan, M. 2011. *The Relation Between Distance Students' Motivation, Their Use Of Learning Strategies and Academic Success*. *Turkish Online Journal of Educational Technology*, 10(1), 216–222.
- Ryan, R. M., & Deci, E. L. (2000). Self-determination theory and the facilitation of intrinsic motivation, social development, and well-being. *American Psychologist*, 55(1), 68–78. <https://doi.org/10.1037/0003-066X.55.1.68>
- Shokri, S. S. M., Salihan, S., & Abd Hamid, M. H. 2021. Inovasi digital dalam pengajaran & pembelajaran program Tahfiz di Universiti Tenaga Nasional (UNITEN): Digital innovation in teaching & learning Tahfiz programme at Universiti Tenaga Nasional(UNITEN). *al-Irsyad: Journal of Islamic and Contemporary Issues*, 6(1), 495-507 (PDF) Teknologi Maklumat Dan Inovasi Dalam Pembelajaran Tahfiz Quran. Available from: https://www.researchgate.net/publication/375770752_Teknologi_Maklumat_Dan_Inovasi_Dalam_Pembelajaran_Tahfiz_Quran [accessed Oct 23 2025].
- Siti Fatimah Osman. 2023. Faktor Bahan Bantu Mengajar yang Menyokong Pengamalan Pemikiran Kritis Guru Pendidikan Islam dalam Meningkatkan Kemahiran Pembelajaran Abad Ke-2. *Jurnal Sains Insani*. Mei. 51-57.
- Siti Sarah Muhammad Raflee & Lilia Halim. 2021. Keberkesanan Pemikiran Kritis dalam Meningkatkan Kemahiran dalam Penyelesaian Masalah KBAT. *Jurnal Pendidikan Islam Sains dan Matematik Malaysia*. 11(1), 60-76.
- Sweller, J. (1988). Cognitive load during problem solving: Effects on learning. *Cognitive Science*, 12(2), 257–285. https://doi.org/10.1207/s15516709cog1202_4
- Syed Najihuddin Syed Hassan, Siti NurHajar, Siti Nur Alya, Aina Ellysa & Nurul Izzatul Huda. 2022. Teknologi Maklumat dan Inovasi dalam Pembelajaran Tahfiz Quran. *Journal of Islamic, Social, Economics and Development (JISED)*. Vol. 7(50). 122-132.

- Tiana, M. 2022. *Motivasi pelajar tahfiz dalam pembelajaran al-Quran*. Jakarta: Penerbit UIN Press.
- Ummi Hani. 2023. *Analisis Pedagogi Tahfiz Kontemporari Di Malaysia*. *Jurnal Pendidikan Al-Quran Malaysia*, 8(2), 15–30.
- Wan Zuriaty Ismail, & Nur Azuki Yusuff. 2024. *Faktor Kecemerlangan Hafazan Al-Quran Dalam Kalangan Pelajar Peringkat Remaja*. *ISLAMIYYAT*. 46(2). HLM. 127-132
- Yuli, R. (2002). *Motivasi Intrinsik Pelajar Tahfiz Dalam Konteks Pendidikan Islam Moden*. Bandung: Pustaka Edu.
- Yusup, Norafidah. M., Abdul Rahim, M. M., & Borhan, A. H. (2025). Effective Strategies in Quran Memorization and Revision (Murāja‘ah) Practices Among Tahfiz Students in Malaysia: A Systematic Review. *International Journal of Modern Education*, 7 (25), 535-554.